

SENSITIVITI PENGANUT AGAMA DI MALAYSIA

Sensitivity of Religious Believer In Malaysia

**Nur Farhana Binti Abdul Rahman & Nur Syariah Mohd Shah
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
[*nfarhana@ukm.edu.my](mailto:nfarhana@ukm.edu.my)*

Abstrak

Dalam konteks Malaysia, isu-isu sensitiviti agama dapat dikategorikan kepada 3 kategori utama iaitu i). isu bersifat teologi seperti pertukaran agama, murtad, ketuhanan, kenabian, dan seumpamanya ii). Isu sosial seperti meraikan perayaan agama lain, hak ibadah dan rumah ibadat, isu menghadiri perkahwinan dan seumpamanya. iii). Isu etika menghina jenazah, mencerca simbol agama lain dan seumpamanya. Artikel ini bertujuan mengkaji persepsi penganut-penganut agama di Lembah Klang terhadap isu-isu sensitiviti agama khususnya dalam isu sosial. Ini kerana isu-isu sosial ini dilihat aktif dijalankan dalam kehidupan seharian. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada 384 orang responden yang tinggal di Lembah Klang iaitu di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Responden kajian terdiri daripada penganut agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan analisis frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati, terdapat 10 isu yang dinilai dalam kategori isu sosial iaitu isu menghormati laungan azan, isu menghormati rumah ibadat, isu menghormati upacara ibadat, isu menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain, isu meneruskan hubungan kekeluargaan walaupun berbeza agama, isu meraikan perayaan agama lain, isu menghadiri upacara pengebumian penganut agama lain, isu mengunjungi rumah ibadat agama lain, isu menggunakan kekerasan atas nama agama (contoh: ekstremis agama atau genocide) dan isu membuat tuntutan agama bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Kajian merumuskan bahawa isu yang paling sensitif dalam konteks sosial adalah tindakan melakukan kerosakan di rumah ibadat manakala isu yang paling kurang sensitif adalah menghadiri jemputan perkahwinan dari penganut agama lain.

Kata Kunci: sensitiviti agama, penganut agama, toleransi beragama, dialog sosial, Malaysia.

PENGENALAN

Laporan Global Peace Index 2016 meletakkan Malaysia di tangga ke 30 jatuh dua anak tangga daripada tahun 2015. Laporan ini menunjukkan bahawa keamanan yang wujud di Malaysia pada ketika itu tidak bersifat statik atau stabil. Namun pada tahun 2017 sehingga 2019, laporan Global Peace Index menunjukkan peningkatan dengan kedudukan Malaysia kini berada di tangga ke 16. Namun, paras keamanan negara masih belum mencapai tahap “*very high*” (Institute for Economics and Peace 2015, 2016, 2017, 2018 & 2019). Berkenaan hal ini, keamanan negara perlu ditingkatkan dari semasa ke sama memandangkan masih wujud unsur-unsur yang akan mengganggu keharmonian negara. Malah faktor kepada ketidakamanan dalam negara ini berfaktorkan kepada beberapa perkara seperti politik, ekonomi dan sosial yang merangkumi keharmonian agama. Hal ini menunjukkan bahawa keharmonian antara penganut agama dalam sesebuah negara yang terdiri daripada pelbagai

agama pastinya menuntut kepada usaha yang maksimum. Usaha ini amat penting khasnya dalam mencari titik pertemuan agar dapat meredakan konflik antara penganut beragama.

ISU SENSITIVITI AGAMA DI MALAYSIA

Malaysia terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa dan agama. Kepelbagaian bangsa dan agama yang terbentuk ini secara tidak langsung melibatkan kepada kepelbagaian budaya, kepercayaan dan sebagainya. Kepelbagaian ini secara dasarnya merupakan perkara positif berikutan wujudnya peluang penganut-penganut agama untuk mengenali penganut agama lain. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kepelbagaian yang wujud ini sedikit sebanyak menimbulkan kesan negatif dalam hubungan antara penganut agama terutamanya apabila sensitiviti setiap agama tidak difahami dan dijaga sebaiknya.

Melihat kepada konteks masyarakat Malaysia yang bersifat multi-agama, Muslim dan bukan Muslim diberikan kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan pada Perkara 11. Kebebasan itu hendaklah mengambil kira Perkara 3 iaitu mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan. Namun, kebebasan beragama yang diberikan masih tidak mampu menghapuskan isu-isu sensitiviti agama daripada timbul dalam kalangan masyarakat.

Isu berkaitan masalah sensitiviti beragama di Malaysia bukanlah suatu isu baru yang ingin didiskusikan secara tular. Isu ini timbul setelah terdapat pelbagai agama dan etnik yang tinggal bersama di Tanah Melayu. Hasil daripada itu, timbul beberapa konflik yang melibatkan agama dan bangsa. Secara umumnya, isu-isu antara agama dilihat timbul disebabkan wujudnya ketidakpuashatian atau emosi yang tersinggung akibat pelanggaran sensitiviti sesuatu agama. Kajian ini mengkategorikan isu ini kepada beberapa bahagian iaitu:

Pertembungan Sensitiviti Agama dalam Hal Teologi

Antara isu sensitiviti agama yang melibatkan isu teologi antaranya seperti Isu Kalimah Allah, Isu Pertukaran Agama dan Isu Sumber Rujukan Agama. Menurut Mujahid, berkenaan isu penggunaan kalimah Allah dalam gereja mingguan di Selangor, Paderi Lawrence Andrew, Pengarang *The Herald* dikatakan membuat kenyataan supaya semua gereja Katholik menggunakan kalimah “Allah” dalam perhimpunan mingguan mereka (Malaysia Kini 2013). Namun, kenyataan tersebut mendapat respon balas daripada bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dato’ Jamil Khir Baharom yang membantah pandangan paderi tersebut (Nur Manuty & Wan Ji 2010).

Isu ini telah mewujudkan pertentangan dua kehendak yang berbeza. Menurut umat Islam, penggunaan kalimah Allah dalam *The Herald* bagi orang Kristian dilihat mencabar sensitiviti agama Islam kerana konsep Allah yang digunakan oleh Kristian tidak sama seperti dalam Islam sedangkan Allah adalah Lafz al Jalalah bagi Islam. Namun bagi agama Kristian, Allah ini adalah kata nama bagi menggantikan istilah English “God” dan hanya digunakan untuk memberi faham penganut Kristian yang berbahasa Melayu. Maka di sini berlaku dua pertembungan sensitiviti agama iaitu antara hak Allah sebagai Rabb dan Lafz al Jalalah dalam Islam dan hak penganut Kristian dalam bidang bahasa.

Selain itu dalam konteks teologi, ia juga melibatkan isu petukaran agama sama ada dalam Isu Murtad atau Isu Konversi ke Islam, ia telah mengeruhkan hubungan Muslim dan bukan Muslim yang lain khasnya apabila melibatkan beberapa isu lain antaranya isu kebebasan permohonan untuk murtad seperti kes Jamaluddi Othman (Yeshua Jamaluddin) pada tahun 1987, Azlina Jailani (Lina Joy), isu pembubaran perkahwinan sivil (sebagai contoh, jika suami telah memeluk agama Islam,

sedangkan isteri tidak melakukan sedemikian dan tidak juga memfailkan perceraian di mahkamah sivil, maka suami yang memeluk Islam itu akan terpaksa menanggung nafkah isterinya lagi kerana ia masih menjadi tuntutan dari mahkamah sivil), isu perebutan hak jagaan anak seperti kes Izuan Abdullah yang telah bertindak mengambil bayi yang masih menyusu daripada bekas isterinya S Deepa (beragama Hindu) pada tahun 2014 (Malaysia Kini 2014), isu perebutan jenazah seperti yang berlaku dalam kes Moorthy atau dikenali sebagai Muhammad Abdullah pada tahun 2005, isu perebutan harta dan penerimaan dalam keluarga. Isu-isu di atas menunjukkan wujudnya pertembungan sensitiviti di antara sensitiviti terhadap prinsip Islam dalam beragama dan sensitiviti dalam diri seorang individu itu sendiri.

Pertembungan Sensitiviti Agama dalam Hal Sosial

Ekoran dari pemupukan semangat menghormati antara setiap kaum dan budaya, perayaan setiap penganut agama diraikan sebagai satu tanda penghormatan kepada semua warga negara Malaysia. Namun begitu, menurut Nur Farhana (2016), akibat dari sikap kurang faham masyarakat mengenai batasan dalam hal ini akhirnya menimbulkan pelbagai kontroversi seperti timbul tuduhan-tuduhan murtad atau tuduhan menyekat kebebasan beragama dari pihak-pihak tertentu. Sebagai contoh, isu pemakaian kurta (pakaian tradisional masyarakat India) oleh Perdana Menteri Malaysia keenam semasa meraikan sambutan Deepavali mula dibincangkan sebagai satu isu yang melanggar sensitiviti agama Islam sedangkan di India, ramai warganegara India yang beragama Muslim memakai pakaian ini. Contoh lain juga dijelaskan oleh Nur Farhana (2016), bahawa terdapat sebahagian pendapat daripada penganut bukan Muslim yang agak tersinggung ketika menghadiri majlis jemputan oleh kawan beragama Islam. Mereka dihadirkan dengan peralatan plastik atau polisterin makanan dan minuman yang berbeza dengan tetamu Muslim yang lain. Sedangkan bagi penganut Muslim, pengasingan tersebut hanya memenuhi peraturan Islam.

Isu lain yang boleh dilihat adalah isu azan yang melibatkan banyak rungutan dari bukan Muslim yang mendakwa bahawa ia mengganggu keselesaan. Menurut laporan akhbar, Malaysia Kini, seorang peguam bukan Muslim yang tinggal di Pantai Hill Park telah membuat aduan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bahawa bunyi bacaan dan azan solat Subuh di masjid berdekatan penempatannya "amat lantang" sehingga mengganggu tidurnya. Difahami, peguam tersebut tinggal di sebuah pangsapuri berkenaan yang terletak lebih kurang satu kilometer dari masjid. Walaubagaimanapun, hal ini telah diselesaikan oleh pihak JAWI dengan memberi arahan agar suara azan perlu diperlahankan di kawasan tersebut.

Terdapat tuntutan lain menyatakan bahawa keperluan azan perlu dipertimbangkan semula mengikut hak masyarakat majmuk. Maka timbul persoalan adakah azan ini merupakan hak agama atau hak masyarakat yang boleh ditoleransi. Penolakan azan akan menghormati sensitiviti sesuatu agama dan melanggar sensitiviti agama yang lain. Selain itu, isu rumah ibadat seperti yang berlaku di Seksyen 23 menjadi salah satu bukti kepada ketidakpuashatian yang timbul hasil daripada cadangan membina kuil di seksyen 23 Shah Alam walaupun majoriti penduduk di kawasan tersebut dalam kalangan Muslim sahaja manakala bilangan masyarakat Hindu adalah minoriti (Utusan Malaysia 2009).

Sensitiviti Agama dalam Hal Etika

Hal ini boleh dilihat dalam isu penghinaan kepada tokoh Muslim. Misalnya, pada 19 September 2016, timbulnya isu berkaitan penghinaan terhadap agama Islam di Twitter dan Facebook. Hal ini

terjadi apabila beberapa pihak telah mengemaskini status di media sosial berhubung kematian Allahyarham Mursyidul Am Pas, Datuk Dr. Haron Din yang disifatkan menyinggung perasaan orang Islam (Awani 2016). Dalam konteks lain, terdapat isu kontroversi dalam penyembelihan lembu bagi agama Hindu.

Sensitiviti Agama dalam Hal Autoriti Agama

Autoriti agama dalam konteks Malaysia merupakan satu badan berkuasa yang memperuntukkan undang-undang berkaitan hal ehwal agama Islam di bawah naungan Sultan dalam sistem demokrasi berperlembagaan negara Malaysia yang menjadikan agama Islam sebagai agama persekutuan disamping agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia ini telah memartabatkan Islam sebagai Agama Persekutuan dalam Fasal 1 Perkara 3.

Namun, mutakhir terdapat pihak dan kelompok masyarakat memperjuangkan bahawa amalan beragama dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya merupakan urusan individu tanpa memerlukan kepada seliaan dan keterikatan dengan mana-mana autoriti dan institusi agama. Muncul pelbagai kelompok yang mula mempersoalkan kredibiliti institusi agama Islam serta penghuraian terhadap sumber ilmu agama Islam di Malaysia.

Berdasarkan penjelasan isu-isu di atas, menunjukkan berlakunya kekeliruan dan kesukaran dalam penentuan perkara sensitiviti agama. Kekeliruan dan ketiadaan mekanisme penentuan sensitiviti agama ini boleh membawa kepada kesalahfahaman dan pandangan buruk terhadap penganut-penganut agama yang lain (Bennett 2008). Malah masyarakat Malaysia sendiri tidak dapat mengklasifikasikan isu-isu yang sesuai dibicarakan di khalayak ramai ataupun sebaliknya. Secara tidak langsung membawa tafsiran negatif pada satu-satu agama tersebut. Hasilnya, ia akan memberi kesan kepada lahirnya prejudis, permusuhan, dendam dan interaksi yang tidak baik antara penganut beragama dan menyukarkan lagi usaha keharmonian, toleransi dan dialog antara agama di Malaysia. Kesan yang lebih besar apabila timbulnya konflik demi konflik antara agama yang boleh menyebabkan berlaku keruntuhan struktur pentadbiran, sosial dan ekonomi negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan berbentuk kajian tinjauan atau bukan kajian eksperimental. Kajian tinjauan ini dijalankan menggunakan instrumen soal selidik. Berdasarkan nilai Cronbach Alpha yang dicatatkan pada kajian rintis, item-item yang digunakan dalam kajian rintis berada pada tahap yang memuaskan dan dibenarkan untuk digunakan dalam kajian sebenar. Item-item tersebut digunakan dalam kajian sebenar dengan sedikit pemurnian daripada segi struktur ayat tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut. Borang soal selidik kajian sebenar terdiri daripada enam bahagian. Penjelasan tentang bahagian-bahagian tersebut adalah sebagaimana berikut:

Bahagian A : Bahagian A merupakan bahagian demografi yang merangkumi variabel agama, jantina, latar belakang sekolah rendah, latar belakang sekolah menengah, tahap pendidikan tertinggi dan kawasan rumah ibadat terdekat di kawasan penempatan responden. Skala pengukuran yang digunakan dalam bahagian ini adalah bersifat nominal iaitu dengan menggunakan angka bagi mewakili kategori-kategori yang bertepatan dengan variabel. Seperti variabel Agama diwakili oleh, 1=Islam, 2=Buddha, 3=Kristian dan 4=Hindu.

Bahagian B : Bahagian ini terdiri daripada soalan-soalan berkaitan teologi. Terdapat enam soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini. Kesemua soalan tersebut diukur dengan lima skala pengukuran iaitu 1=Sangat Tidak Sensitif, 2=Tidak Sensitif, 3=Sederhana Sensitif, 4=Sensitif dan 5=Sangat Sensitif.

Bahagian C : Bahagian ini pula terdiri daripada himpunan soalan-soalan berkaitan sosial dan ianya merangkumi sepuluh soalan. Bahagian ini menggunakan skala pengukuran seperti 1=Sangat Tidak Sensitif, 2=Tidak Sensitif, 3=Sederhana Sensitif, 4=Sensitif dan 5=Sangat Sensitif.

Bahagian D : Bahagian D yang terkandung dalam borang soal selidik kajian merupakan soalan-soalan berkenaan etika. Bahagian ini terdiri daripada enam soalan dan diukur menggunakan skala ordinal 1=Sangat Tidak Sensitif, 2=Tidak Sensitif, 3=Sederhana Sensitif, 4=Sensitif dan 5=Sangat Sensitif.

Bahagian E : Bahagian akhir iaitu Bahagian E terdiri daripada daripada 10 item berkenaan elemen-elemen dalam halangan. Elemen-elemen tersebut ialah kenalan, jiran, hubungan yang tidak baik dengan penganut agama lain, pengalaman buruk dengan penganut agama lain, keluarga, pertahankan nilai dan identiti agama, takut berkenalan dengan penganut agama lain dan pengaruh media sosial. Kesemua item tersebut diukur dengan skala 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Sederhana Setuju, 4= Setuju dan 5=Sangat Setuju.

Bahagian F : Bahagian akhir iaitu Bahagian F kajian pula terdiri daripada daripada 8 item berkenaan elemen-elemen dalam faktor. Elemen-elemen tersebut ialah agama, pemimpin agama, keluarga, jiran, rakan dan guru. Kesemua item tersebut diukur dengan skala 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Sederhana Setuju, 4= Setuju dan 5=Sangat Setuju.

Namun bagi kertas kerja ini, hanya data bahagian C yang akan dibincangkan

Item- item di Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F diukur menggunakan Skala Likert. Skala ini dipilih berikutan skala yang digunakan dalam kajian rintis kurang difahami dan mendatangkan kekeliruan kepada responden sekiranya tiada penjelasan daripada pengkaji tentang skala tersebut. Menurut Chua Yan Piaw (2011), Skala Likert lebih mudah digunakan, mampu membantu memudahkan responden menjawab item-item dalam soal selidik kajian serta kadar kebolehppercayaan data yang diukur menggunakan skala ini lebih tinggi berbanding skala lain. Oleh itu, kajian ini telah menggunakan Skala Likert yang menggandungi lima skala iaitu mengikut bilangan asal skala ini diperkenalkan.

Kaedah Persampelan dan Kaedah Analisis Data

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan kebarangkalian iaitu pensampelan rawak berstrata (*Stratified Sampling*). Teknik pensampelan ini dipilih berikutan sampel kajian terdiri daripada subjek-subjek yang heterogen atau mempunyai sub seperti agama. Hal ini kerana, ciri utama subjek dalam sampel ialah agama iaitu Islam, Buddha, Hindu dan Kristian., menurut Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan (2015), pensampelan jenis ini lebih bersifat mewakili populasi sekiranya dilaksanakan mengikut kaedah yang betul. Berdasarkan jumlah keseluruhan penduduk di Lembah Klang, saiz sampel kajian dapat ditentukan dengan merujuk Jadual Krejcie & Morgan. Merujuk jadual tersebut, saiz sampel kajian ini adalah sebanyak 384 orang berikutan jumlah populasi kajian

yang melebihi 100 000 (Krejcie & Morgan 1970). Oleh itu, berdasarkan teknik pensampelan berstrata, saiz sampel mengikut agama adalah sebagaimana dalam Jadual berikut:

Jadual : Jumlah Populasi dan Saiz Sampel

Jumlah		Islam (56%)	Buddha (29%)	Hindu (11%)	Kristian (4%)
Populasi	(6 523 294)	3 676 160	1 872 841	721 767	252 526
Sampel	(384)	215	111	42	16

Jadual menunjukkan, bilangan responden yang terlibat dalam kajian adalah sebanyak 215 orang responden beragama Islam, 111 orang yang beragama Buddha, 42 orang beragama Hindu manakala selebihnya iaitu 16 orang adalah beragama Kristian. Bagi mengumpulkan data kajian, subjek sampel dipilih secara rawak daripada populasi berdasarkan jumlah saiz sampel yang telah ditentukan menggunakan pensampelan rawak mudah. Seterusnya, dapatan kajian yang diperoleh daripada sampel kajian akan digeneralisasikan kepada populasi. Data kajian yang diperoleh dianalisis menggunakan dua kaedah iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan dengan melihat frekuensi (n), peratus (%), sisihan piawai, dan min manakala analisis inferensi menggunakan ujian inferensi Pekali Spearman Rho.

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

i. Hak Beragama di Malaysia Dan Limitasinya

Kebebasan beragama di Malaysia boleh difahami dalam dua aspek iaitu kebebasan mengamalkan agama masing-masing dan kebebasan meraikan kepelbagaian agama. Melihat pada aspek undang-undang, Malaysia melalui Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan kepada semua penganut agama khususnya bukan Muslim untuk mengamalkan agama masing-masing. Perkara ini dinyatakan dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan ini adalah salah satu bentuk toleransi yang diberikan kepada penganut bukan Muslim di Malaysia. Bukan Muslim dibenarkan mengamalkan ajaran agama masing-masing, meraikan upacara atau majlis-majlis seperti perayaan, perkahwinan dan sebagainya mengikut adat dan kepercayaan masing-masing.

Namun kebebasan yang diberikan perlu menghormati Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan dalam Perkara 3 bahawa Islam adalah Agama Persekutuan atau utama di Malaysia. Justeru, dalam meraikan atau mengamalkan agama masing-masing, bukan Muslim perlu bersikap sederhana dan menghormati agama Islam sebaiknya serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan seperti tidak menyebarkan atau melakukan aktiviti dakwah kepada penganut beragama Islam. Berkenaan hal ini, bukan Muslim khususnya diberikan kebebasan mengamalkan agama masing-masing namun tidak sampai mencabar perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Melihat pada kebebasan meraikan kepelbagaian agama, Malaysia telah menganjurkan satu program rumah terbuka yang bertujuan meningkatkan perpaduan masyarakat di Malaysia. Amalan rumah terbuka ini secara umumnya diterima dan dilakukan oleh masyarakat tanpa mengira agama sehingga ianya menjadi uruf majmuk di Malaysia. Perkara ini selari dengan ajaran Islam dan disifatkan sebagai satu amalan yang baik dan dijadikan sebagai satu program nasional oleh pihak

kerajaan. Berdasarkan perkara ini, setiap agama diberikan kebebasan untuk menghadiri rumah terbuka yang dianjurkan antara pelbagai agama dalam usaha meraikan kepelbagaian agama (Mohd Anuar & Mohammad Aizat 2011). Basri (2010) turut menjelaskan, amalan rumah terbuka merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan perpaduan antara agama. Perkara ini bertitik tolak daripada keadaan masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk.

Namun dalam konteks agama Islam, terdapat beberapa perkara yang perlu dipatuhi oleh mereka yang beragama Islam sebelum dan semasa menghadiri perayaan agama lain. Antaranya, majlis tersebut tidak menyinggung perasaan umat Islam, tidak mengganggu ketenteraman awam serta tidak mengabaikan undang-undang negara. Perkara ini turut dijelaskan secara lebih mendalam oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015) dengan memberikan kebenaran kepada penganut Muslim untuk meraikan sambutan perayaan agama lain berdasarkan kepada garis-garis panduan yang telah ditetapkan seperti tidak turut serta dalam upacara sembah, tidak memakan makanan yang tidak halal sekiranya dihidangkan, tidak menyerupai agama lain dalam berpakaian dan sebagainya.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa, setiap agama mempunyai hak untuk mengamalkan agama masing-masing. Berkenaan ini, pemimpin negara bertanggungjawab untuk menjaga hak masyarakat sama ada Muslim atau bukan Muslim. Mohamad Zaidi (2012) menyatakan, pemimpin merupakan tonggak keharmonian negara dan perlu mengambil berat tentang hubungan antara agama dalam kalangan masyarakat. Melihat pada konteks akidah pula, pemimpin agama perlu bersama-sama membantu masyarakat agar kebebasan yang diberikan tidak sampai mencemarkan akidah agama masing-masing. Garis panduan kepada perkara tersebut disebutkan oleh beliau sebagai *Shurut Umriyyah* dan ditekankan agar penganut agama dapat menjaga batas dan pengamalan agama. Batasan ini perlu dipelihara agar tidak berlaku percampuran antara satu agama dengan agama yang lain.

ii. Tahap Sensitiviti Penganut Agama Dalam Isu Sosial

Item-item berkaitan sensitiviti penganut aagam terhadap isu sosial dikhususkan dalam Bahagian C borang soal selidik. Sebanyak 10 item diletakkan dalam bahagian sosial dan kesemua item diukur dengan lima skala iaitu sangat tidak sensitif, tidak sensitif, sederhana sensitif, sensitif dan sangat sensitif. Bahagian ini turut menggunakan bacaan min tertinggi bagi menentukan isu yang paling sensitif dalam bahagian sosial. Item yang mencatatkan min tertinggi merupakan isu yang dianggap paling sensitif menurut persepsi responden kajian.


Isu yang paling sensitif ialah pada Item 2 iaitu “melakukan kerosakan di rumah ibadat” dengan perolehan min = 4.59 dan sisihan piawai = 0.896. Item yang mempunyai nilai min kedua tertinggi ialah Item 9 iaitu “menggunakan kekerasan atas nama agama (contoh: ekstremis agama atau *genocide*)” dengan bacaan min = 4.45 dan sisihan piawai = 0.995. Item 9 secara tidak langsung menjadi item kedua sensitif dalam bahagian sosial.

Isu ketiga yang dianggap sensitif ialah pada Item 10 iaitu “menegakkan ajaran agama tanpa memikirkan Perlembagaan Persekutuan” dengan min = 4.04 dan sisihan piawai = 1.084. Isu seterusnya ialah pada Item 3 iaitu “menghormati upacara ibadat” dengan min = 4.04 dan sisihan piawai = 1.275. Walaupun, Item 10 dan Item 3 mencatatkan nilai min yang sama, namun nilai sisihan piawai yang diperoleh adalah berbeza. Nilai sisihan piawai yang lebih rendah menunjukkan bahawa, isu tersebut lebih sensitif daripada isu yang mencatatkan nilai piawai yang lebih tinggi. Oleh itu, Item 10 adalah lebih sensitif berbanding Item 3.

Isu kelima sensitif menurut persepsi penganut ialah pada Item 1 iaitu “menghormati laungan azan”. Item ini mencatatkan perolehan min = 3.95 dan sisihan piawai = 1.256. Item 6 iaitu “meraikan perayaan agama lain” menjadi isu keenam sensitif dengan min = 3.00 dan sisihan piawai = 1.415 disusuli isu ketujuh sensitif iaitu pada Item 7 “menghadiri upacara pengebumian penganut agama lain” dengan catatan min = 2.95 dan sisihan piawai = 1.317. Item 5 “meneruskan hubungan kekeluargaan walaupun berbeza agama” merupakan isu kelapan sensitif menurut persepsi responden kajian walapun nilai min yang dicatatkan adalah sama dengan Item 7 = 2.95. Namun sisihan piawai = 1.488 yang dicatatkan pada Item 5 adalah lebih tinggi daripada nilai sisihan piawai yang diperolehi pada Item 7. Oleh itu, Item 5 merupakan isu kelapan sensitif dalam bidang sosial.

Menurut persepsi respoden kajian, isu kesembilan sensitif ialah berkenaan “mengunjungi rumah ibadat agama lain” iaitu Item 8. Item ini mencatatkan peroleh min = 2.84 dan sisihan piawai = 1.330. Isu yang paling kurang sensitif dalam bahagian teologi ialah yang mencatatkan min = 2.75 dengan sisihan piawai = 1.363 iaitu pada Item 4 “menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain”. Kesimpulannya, isu yang paling sensitif berkaitan sosial ialah “melakukan kerosakan di rumah ibadat” manakala isu yang paling kurang sensitif menurut persepsi respoden ialah “menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain”. Keseluruhan hal ini dijelaskan dalam dalam rajah di bawah .

Rajah : Tahap Sensitiviti Penganut Agama Terhadap Isu-isu Sosial Dalam Hubungan Antara Agama



Sumber: Soal Selidik 2019

Berdasarkan Rajah di atas, isu yang paling sensitif berkaitan sosial ialah “melakukan kerosakan di rumah ibadat” manakala isu yang paling kurang sensitif menurut persepsi respoden ialah “menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain”.

- a) Isu paling sensitif melakukan kerosakan rumah ibadat

Jadual di bawah menunjukkan, kesemua agama sepakat menyatakan Item 2 “melakukan kerosakan di rumah ibadat” merupakan isu yang sangat sensitif memandangkan majoriti penganut agama memilih skala sangat sensitif dengan jumlah keseluruhannya sebanyak 286 orang. Jumlah tersebut terdiri daripada 176 orang Islam, 64 orang Buddha, 34 orang Hindu dan 12 orang Kristian. Hal ini menunjukkan bahawa rumah ibadat penganut agama seperti masjid, kuil Buddha, kuil Hindu dan gereja adalah amat penting dan sangat sensitif. Tindakan seperti melakukan kerosakan atau perkara negatif lain terhadap rumah ibadat penganut agama dilihat sebagai tindakan yang tidak menjaga sensitiviti agama-agama.

**Jadual Sensiviti Penganut Agama Dalam Isu Membuat Kerosakan Rumah Ibadah :
Taburan Mengikut Agama**

Agama	STS	TS	SS	S	SGTS	Jumlah
Islam	0	1	7	31	176	215
Buddha	14	3	2	28	64	111
Hindu	0	0	1	7	34	42
Kristian	0	0	1	3	12	16
Jumlah	14	4	11	69	286	384

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam konteks Malaysia, kerajaan Malaysia telah memberikan kebenaran kepada setiap agama untuk membina rumah ibadat agama masing-masing berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Kebenaran ini membuktikan sikap toleransi yang diamalkan dalam meraikan masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh itu, usaha mengamalkan toleransi ini perlu dipelihara sebaiknya (Khadijah & Mohd Herzali 2008). Namun, berbeza dengan realiti masyarakat kini apabila terdapat pihak yang tidak menghormati serta mengganggu hubungan antara masyarakat agama melalui tindakan merosakkan atau mencemarkan rumah ibadat. Insiden ini adalah sebagaimana yang berlaku di salah sebuah surau di Klang dan surau di Johor apabila terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah membuat kerosakan. Insiden ini mendapat perhatian Menteri Agama ketika itu dan menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap pelaku bagi mengelakkan provokasi timbul dalam kalangan masyarakat beragama (Astro Awani 2019). Insiden-insiden dan tindakan-tindakan yang diambil berkaitan rumah ibadat yang berlaku secara tidak langsung menunjukkan bahawa isu berkenaan rumah ibadat sangat sensitif dalam masyarakat majmuk dan tidak boleh dipermainkan oleh mana-mana agama sekalipun.

b) Isu paling kurang sensitif : Menghadiri majlis perkahwinan agama lain.

Berdasarkan jadual di bawah, Item 4 “menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain” adalah isu yang sangat tidak sensitif menurut pandangan majoriti penganut Buddha, Hindu dan Kristian dengan bilangan masing-masing sebanyak 32 orang Buddha, 20 orang Hindu dan 10 orang Kristian. Keadaan ini menjelaskan bahawa, majlis perkahwinan penganut agama lain bukan sesuatu yang sensitif dan tindakan menghadirkan diri ke majlis perkahwinan mana-mana agama yang lain tidak disifatkan sebagai melanggar sensitiviti agama. Namun, menurut pandangan majoriti penganut Islam iaitu sebanyak 65 orang, isu tersebut disifatkan sebagai sederhana sensitif terutama dalam konteks menghadirkan diri ke majlis perkahwinan penganut Buddha, Hindu atau Kristian.

**Jadual Tahap Sensitiviti Agama Dalam Isu Menghadiri Perkahwinan Agama Lain :
Taburan Mengikut Agama**

Agama	STS	TS	SS	S	SGTS	Jumlah
Islam	27	51	65	32	40	215
Buddha	32	29	19	16	15	111
Hindu	20	6	9	2	5	42
Kristian	10	3	2	1	0	16
Jumlah	89	89	95	51	60	384

Sumber: Soal Selidik 2019

Menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain” dilihat kurang sensitif kerana elemen perkahwinan dilihat sangat lazim dalam masyarakat beragama dan kurang mendatangkan persoalan dalam masyarakat. Sebagaimana dalam agama-agama lain, Islam juga tidak menghalang penganutnya menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain terutamanya apabila melibatkan keluarga, jiran atau rakan. Namun, kehadiran ke majlis perkahwinan tersebut tidak boleh disertai dengan tindakan melibatkan diri dalam aktiviti atau upacara yang bercanggah dengan syarak (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2018). Justeru, isu berkenaan menghadirkan diri ke majlis perkahwinan agama lain tidak menimbulkan permasalahan dan tidak disifatkan sebagai suatu isu yang paling sensitif.

c). Tahap sensitiviti penganut agama dalam Isu-isu Sosial yang lain : Taburan mengikut agama.

- Isu Azan

Majoriti penganut Islam, Buddha dan Hindu memilih skala sangat sensitif dengan bilangan sebanyak 131 orang Islam, 35 orang Buddha dan 13 orang Hindu. Hal ini menunjukkan bahawa Item 1 “menghormati laungan azan” adalah isu yang sangat sensitif menurut persepsi ketiga-tiga agama tersebut. Namun, menurut kebanyakan penganut Kristian iaitu 9 orang, isu laungan azan hanya isu yang sederhana sensitif.

- Isu Menghadiri upacara ibadat agama lain

Majoriti penganut agama memilih skala sangat sensitif untuk Item 3 “menghormati upacara ibadat” dengan jumlah sebanyak 198 orang. Jumlah tersebut terdiri daripada 127 orang Islam, 42 orang Buddha, 21 orang Hindu dan 8 orang Kristian. Hal ini menunjukkan, upacara ibadat setiap agama seperti sembahyang disifatkan sebagai perkara yang sensitif dalam agama dan perlu dihormati sebaiknya. Tindakan menghormati tersebut bukan hanya ditujukan kepada tindakan menghormati upacara ibadat dalam agama masing-masing tetapi merangkumi tindakan menghormati upacara ibadat agama lain juga.

- Isu Meneruskan hubungan kekeluargaan walaupun berbeza agama

penganut agama berbeza pandangan dalam memilih skala untuk Item 5 “meneruskan hubungan kekeluargaan walaupun berbeza agama”. Majoriti penganut Islam atau sebanyak 59 orang Islam menyatakan hubungan kekeluargaan dengan ahli keluarga yang berlainan agama sama ada Buddha, Hindu atau Kristian adalah isu yang sangat sensitif. Oleh itu, menurut penganut Islam, hubungan kekeluargaan jenis ini perlu dijaga sebaiknya sebagaimana yang digariskan dalam Islam. Namun, menurut 26 orang Buddha atau majoriti responden Buddha, isu tersebut adalah tidak sensitif. Berbeza

dengan majoriti penganut Hindu dan Kristian yang masing-masing sebanyak 19 orang dan 8 orang yang melihat isu tersebut sebagai sangat tidak sensitif.

- **Isu Meraikan Perayaan Agama lain**

Majoriti penganut Islam atau 63 orang Islam berpandangan, Item 6 “meraikan perayaan agama lain” merupakan isu yang dianggap sederhana sensitif. Hal ini menunjukkan, perkara-perkara berkaitan perayaan masih dilihat sensitif sehingga terdapat beberapa perkara atau garis panduan yang dikeluarkan dalam meraikan perayaan agama lain. Namun, menurut kebanyakan penganut agama lain yang terdiri daripada 37 orang Buddha, 17 orang Hindu dan 10 orang Kristian, isu berkenaan perayaan seperti menghadirkan diri dan meraikan perayaan agama lain tidak dilihat sebagai isu yang sensitif atas skala sangat tidak sensitif yang dipilih. Oleh itu, tindakan meraikan perayaan agama lain tidak mendatangkan sebarang persoalan, permasalahan dan keterbatasan dalam konteks sosial.

- **Isu Menghadiri Upacara Pengebumian Agama Lain**

Mmenghadiri upacara pengebumian penganut agama lain” dilihat sebagai isu yang sederhana sensitif menurut 72 orang atau majoriti penganut Islam. Menurut kebanyakan penganut Buddha iaitu 29 orang, isu ini tidak dilihat sebagai sensitif dan mereka memilih skala tidak sensitif. Penganut Hindu dan Kristian pula berpandangan, isu ini adalah sangat tidak sensitif dengan jumlah masing-masing yang memilih skala sangat tidak sensitif sebanyak 9 orang Hindu dan 8 orang Kristian.

- **Isu Mengunjungi Rumah Ibadat Agama Lain**

majoriti penganut Islam atau 57 orang Islam menyatakan, Item 8 “mengunjungi rumah ibadat agama lain” adalah isu yang sensitif. Ha ini berbeza dengan pandangan 31 orang Buddha, 17 orang Hindu dan 7 orang Kristian atau majoriti penganut agama tersebut yang berpandangan, isu tersebut bukanlah isu yang sensitif. Justeru, tindakan menghadirkan diri ke rumah ibadat penganut agama lain adalah biasa dan tidak mendatangkan sebarang spekulasi dan permasalahan.

- **Isu Menggunakan kekerasan atas nama agama**

Majoriti penganut agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian bersetuju menyatakan, Item 9 “menggunakan kekerasan atas nama agama (contoh: ekstremis agama atau *genocide*) adalah isu yang sangat sensitif dengan jumlah seramai 261 orang. Jumlah tersebut merangkumi 154 orang Islam, 58 orang Buddha, 35 orang Hindu dan 14 orang Kristian. Keadaan ini menjelaskan, agama masing-masing adalah sesuatu yang sensitif dan memerlukan kepada penghormatan yang baik. Justeru, sebarang tindakan yang mempermainkan agama atau menggunakan agama untuk tujuan yang negatif adalah tindakan yang tidak menjaga sensitiviti agama. Perkara ini selari dalam semua agama sama ada dalam agama Islam, Buddha, Hindu atau Kristian.

- **Isu Membuat tuntutan agama yang bercanggah dengan perlembagaan persekutuan**

Majoriti responden meletakkan membuat tuntutan agama yang bercanggah dengan perlembagaan persekutuan dianggap sebagai isu yang sensitif. Jumlah yang menyatakan perkara ini adalah sebanyak 116 orang Islam, 19 orang Hindu dan 9 orang Kristian. Keadaan ini menjelaskan, Perlembagaan Persekutuan perlu dipatuhi sebaiknya kerana ianya dilihat sebagai isu yang sensitif. Walaupun tindakan menegakkan agama dilihat sebagai satu perkara yang baik, namun perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan perlu diambil berat dan diselarikan

dengan tuntutan agama. Majoriti penganut Buddha atau 35 orang penganut agama tersebut turut melihat isu adalah sensitif namun berada pada tahap sederhana berdasarkan jumlah tertinggi adalah pada skala sederhana sensitif.

KESIMPULAN

Secara keseruan dapat dirumuskan bahawa langkah utama dalam mencari titik pertemuan antara penganut agama di Malaysia adalah dengan mewujudkan kefahaman terhadap perkara sensitiviti dalam sesebuah fahaman agama. Kefahaman terhadap sensitiviti agama bukan sahaja menjelaskan skop dan limitasi pelaksanaan tuntutan hormat yang seringkali dilaungkan dalam pelaksanaan toleransi agama malah secara tidak langsung dapat menambah sedikit pengetahuan terhadap sesuatu agama. Justeru, dalam konteks Malaysia, apabila sensitiviti agama ini difahami, maka ia dapat memandu usaha keharmonian agama dan hak penganut agama dapat dihormati berasaskan kepada apa yang telah diperuntukkan dalam pelebagaan.

Selaras dengan hal ini, bagi membentuk keharmonian agama di Malaysia ia boleh dipupuk melalui usaha usaha sosial di kalangan penganut tanpa menafikan wujudnya perbezaan antara agama. Malah dengan memahami perbezaan dan sensitivity sesuatu agama ini sekaligus dapat membentuk kefahaman masyarakat berkaitan perkara-perkara yang perlu dihormati dalam hubungan antara agama.

PENGHARGAAN

Setinggi Penghargaan Kepada Geran Penyelidikan GGPM-2017-018

RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2015). *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Astro Awani. (2019). *Tangkap Segera Pelaku Letakkan Berhala di Surau – Mujahid*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tangkap-segera-pelaku-letakkan-berhala-di-surau-mujahid-199465>. [25 Mac 2020].
- Astro Awani. (2019). *Lelaki Simbah Cat di Masjid dan Surau Ditahan*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-simbah-cat-di-masjid-dan-surau-ditahan-217675>. [4 April 2020].
- Bandura A. (1977). *Social Learning Theory*. London: Prentice-Hall, Inc.
- Basri Ibrahim. 2010. Hukum Penglibatan Orang Islam dalam Perayaan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 3: 77-96.
- Berita Harian Online. (2018). *Harmoni Saling Menghormati*. [ps://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/12/512741/harmoni-saling-menghormati](https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/12/512741/harmoni-saling-menghormati). [1 April 2020].
- Berita Harian Online. (2020). *Suspek Pijak al-Quran, Hina Islam direman Tiga Hari*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/656066/suspek-pijak-al-quran%C2%A0hina-islam-direman-tiga-hari>. [25 Mac 2020].
- Chandra Muzaffar. (2010). *Religion Seeking Justice and Peace*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th ed., Pearson.

- Institute for Economics and Peace. (2015). Global Peace Index 2015.
- Institute for Economics and Peace. (2016). Global Peace Index 2016.
- Institute for Economics and Peace. (2017). Global Peace Index 2017.
- Institute for Economics and Peace. (2018). Global Peace Index 2018.
- Institute for Economics and Peace. (2019). Global Peace Index 2019.
- Institute of Islamic Understanding Malaysia. (2014). *Perpaduan dan Kepimpinan*. <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2014/07/09/perpaduan-dan-kepemimpinan/>. [26 Februari 2020].
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2002). *Orang Islam Memakai Pakaian yang Melambangkan Agama Lain*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/5>. [4 April 2020].
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam*. <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/115-garis-panduan-orang-islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-islam>. [10 Mei 2018].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Agama, Jantina dan Negeri, Malaysia, 2010.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. 27: 81-92.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30: 607-610.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman. (2012). Mengurus Hak Beragama Bukan Muslim dari Perspektif Siasah Syar'iyah. *Jurnal Usuluddin*. 36: 109-124.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). Uruf Majmuk: Konsep dan Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh*. 8: 45-64.
- Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail & Ahmad Badri Abdullah. (2014). Pemakaian Kaedah Fiqh Terhadap Isu Penyerupaan (al-Tasyabbuh) dalam Konteks Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh*. 11: 1-28.
- Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Mohd Haidhar Kamarzaman & Kamarudin Salleh. (2018). Analisis Penggunaan Nama-nama Tuhan Agama Selain Islam Sebagai Rujukan kepada Allah. *International Journal of Islamic Thought*. 14: 27-37.
- Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa & Wan Sopian Sori. (2012). Faktor Utama Konflik Etnik dan Kemampuan Gagasan 1 Malaysia Menurut Perspektif Mahasiswa. Kertas Kerja Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) 2012. Anjuran Universiti Malaysia Kelantan. Kota Bharu, Kelantan, 2-3 Disember.
- Nur Manuty & Wan Ji Wan Hussin. (2010). *Polemik Isu Kalimah Allah antara Targhib dan Tarhib*. Kuala Lumpur: Ilham Baru.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2016). Kesiediaan Pemimpin Agama Muslim dan Kristian dalam Membentuk Keharmonian Agama: Keperluan dan Limitasi. *Afkar*. 18(2): 103-148.
- Nur Farhan Abdul Rahman, Jaffary Awang, Indiraty Ismail, Yusri Mohd Ramli & Abdul Rahman Mahmood. (2020). Laporan Penyelidikan GGPM Penentuan Sensitiviti Agama menurut Penganut Agama. Bahan Tidak Terbit. UKM

- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). *Irsyad al-Fatwa ke-151: Hukum Menghadiri Majlis Pengebumian Bukan Muslim*. <http://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/1422-irsyad-al-fatwa-siri-ke-151-hukum-menghadiri-majlis-pengebumian-bukan-muslim>. [25 Mac 2020].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). *Tahqiq al-Masail 7: Hukum Mengucapkan "Merry Christmas" kepada Mereka yang Beragama Kristian*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/tahqiq-al-masail/2919-tahqiq-masail-7-hukum-mengucapkan-merry-christmas-kepada-mereka-yang-beragama-kristian>. [30 Disember 2018].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). *Irsyad al-Fatwa #248: Hukum Memasuki Rumah Ibadat Agama Lain dan Mneghadiri Majlis Perkahwinan Orang Kristian di Gereja*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2647-irsyad-fatwa-248-hukum-memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja>. [4 April 2020].
- Piaw, C. Y. (2008). Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal. Buku 3. Malaysia: McGraw-Hill.
- Al-Qurthubi. (2008). *Tafsir al-Qurthubi*. Terj. Ahmad Khotib. Jil. 7 & 12. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Utusan Malaysia. .(2009). *Selesaikan Isu Kuil*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0903&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm. [27 November 2018].
- Venerable Pyinnyathiha. (1990). *The Way to Social Harmony*. London: The Vihara.
- Zulkifli Hasan. (2012). Memahami Isu Islamofobia: Antara Persepsi dan Realiti. Bengkel Kefahaman Islamofobia. Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 22 Mac